



## PANDUAN KEWANGAN PELAJAR NBUC

### 1. YURAN PENGAJIAN

Yuran pengajian dikenakan berdasarkan kursus yang telah dipilih oleh pelajar. Berikut adalah jenis pembiayaan yang biasanya diambil oleh pelajar.

- ❖ PTPTN
- ❖ PTPK
- ❖ KWSP
- ❖ BKNS
- ❖ TAJAAN SENDIRI (*Pelajar yang tidak membuat sebarang pinjaman dikategorikan sebagai pelajar di bawah tajaan sendiri dan perlu membuat bayaran yuran pengajian setelah mendaftar subjek setiap semester*)

### 2. BAYARAN

#### 2.1

| BIL | PERKARA   | AMAUN (RM)   |
|-----|---|--|
| 1   | <p><b>Yuran Berulang /Yuran Peperiksaan</b></p> <p>Yuran berulang atau yuran peperiksaan akan dikenakan kepada semua pelajar sebelum menduduki peperiksaan bagi <b>semester panjang</b> iaitu sesi akademik <b>Januari</b> dan <b>Ogos</b> Sahaja. Bayaran boleh dibuat di kaunter kewangan atau secara atas talian sebelum bermulanya peperiksaan.</p> <p><b>Bank : MAYBANK</b><br/> <b>Nama akaun : BORNEO EDUEXCEL SDN BHD</b><br/> <b>Nombor akaun : 560232123387</b></p> | 50.00  |
| 2   | Pengeluaran semula slip keputusan peperiksaan   | 10.00 per semester   |
| 3   | Pengeluaran semula Sijil & Transkrip Akademik   | 100.00   |
| 4   | Denda lewat Daftar Subjek (>2 minggu dari pendaftaran subjek)   | 50.00 per subjek   |
| 5   | Gugur subjek selepas tarikh gugur atau tambah subjek yang telah ditetapkan.   | Caj mengikut polisi REFUND   |
| 6   | Tertinggal kad matrik setiap kali ke kaunter kewangan (WAJIB PAKAI)   | 5.00   |
| 7   | <p>Ulangan Subjek (Asasi, Diploma &amp; Degree)</p> <p><b>*tidak termasuk kadar yuran berulang/peperiksaan</b></p>  | <p>100.00 per subjek</p> <p>AMBIL KELAS ULANGAN<br/>           RM100.00 PER SUBJEK +<br/>           BAYARAN PEPERIKSAAN<br/>           RM50.00= RM150.00</p> |

|    |  |   |
|----|--|---|
| 8  | Ulangan peperiksaan sahaja (Asasi, Diploma & Degree)<br><b>*tidak termasuk kadar yuran berulang/peperiksaan</b>  | 50.00 per subjek<br>ULANGAN RM50.00 PER SUBJEK + BAYARAN PEPERIKSAAN RM50.00 = RM100.00 |
| 9  | Semakan semula keputusan peperiksaan   | 150.00 per subjek   |
| 10 | <b>Bayaran semasa pendaftaran:</b><br>1. Yuran Pendaftaran -RM300 (Program SKM, Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda)<br><br>2. Yuran Pendaftaran -RM600 (Program Ijazah Sarjana, Ijazah Kedoktoran)<br><br>3. Deposit asrama -RM150<br><br><i>*Tertakluk kepada pakej promosi yuran pendaftaran mengikut sesi pengambilan.</i> | 300.00 - 750.00   |

## 2.2 Bayaran dari penolakan PTPTN

- Bagi pelajar yang membuat pinjaman PTPTN sejumlah wang akan ditinggalkan kedalam akaun pelajar untuk tujuan memproses transaksi "auto debit" yuran pengajian dari akaun pelajar ke akaun kolej. Oleh itu, pelajar harus datang ke kaunter kewangan untuk mencukupkan jumlah bayaran tersebut.

### CONTOH : -

- RM24,000.00 (Kelulusan PTPTN)
  - RM100.00/tolak (9 kali penolakan) = RM900.00
  - RM24,000.00 - RM 900.00 = RM23,100.00
  - Jadi RM900.00 akan di bahagikan dengan 6 semester – setiap semester pelajar harus membayar sebanyak RM150.00 untuk mencukupkan yuran sebanyak RM24,000.00
  - 3 tahun pengajian : 9 kali bayaran PTPTN (RM900)
  - 2.6 tahun pengajian : 8 kali bayaran PTPTN (RM800)
- Bayaran tersebut harus di lakukan di setiap awal semester pengajian, sekiranya gagal dipatuhi unit peperiksaan / dekan fakulti berhak untuk menahan pelajar dari **menduduki peperiksaan / melakukan pendaftaran subjek.**
  - Bayaran balik penolakan PTPTN ini **wajib** kepada pelajar yang mendapat kelulusan pinjaman PTPTN sama dengan kadar jumlah yuran pengajian sahaja. Bagi pelajar yang mendapat kelulusan pinjaman lebih daripada yuran pengajian, pelajar tidak perlu membuat bayaran balik penolakan PTPTN tersebut.

## 2.3 Bayaran yuran pengajian boleh di lakukan melalui 2 cara:

- Kaunter Kewangan
- Online banking (**Yuran pengajian sahaja**)  
(BORNEO EDUEXCEL SDN BHD – 8001200225 - CIMB)
  - Bukti slip bayaran **WAJIB** dihantar ke kaunter kewangan beserta dengan butiran peribadi pelajar ataupun melalui email [financeAR@nbuc.edu.my](mailto:financeAR@nbuc.edu.my)

### 3. BAYARAN BALIK

- Lebihan bayaran yuran pengajian (**sekiranya ada**) akan dipulangkan setelah pelajar tamat pengajian.
- Deposit asrama (**Sekiranya ada**) akan dipulangkan setelah pelajar tidak lagi menginap di asrama NBUC.
- Yuran Pendaftaran dan Yuran Pembangunan **TIDAK** akan dikembalikan. Oleh itu, pelajar adalah dinasihatkan untuk membuat pembayaran secara berhemah dan pasti dengan bayaran yang dilakukan. Sebarang tuntutan bayaran balik selepas bayaran dilakukan oleh pelajar tidak akan dilayan.

### 4. MENARIK DIRI/TANGGUH PENGAJIAN


- Sekiranya pelajar ingin menarik diri/ menanggung pengajian selepas sesi kuliah bermula, pelajar **WAJIB** mengisi **BORANG BERHENTI/TANGGUH** pengajian.
- Jadual pembayaran yuran pengajian bagi pelajar yang menarik diri/tanggung pengajian adalah seperti berikut:

|                      |  |
|----------------------|--|
| Minggu 1 – 2 kuliah  | Yuran pengajian (20%) dari tarikh pendaftaran subjek diluluskan      |
| Minggu 3 – 4 kuliah  | Yuran pengajian (50%) dari tarikh pendaftaran subjek diluluskan      |
| Minggu 5 dan ke atas | Yuran pengajian (100%) daripada tarikh pendaftaran subjek diluluskan |

- Bagi pelajar sijil/pelajar yang berhenti **tanpa mengisi borang** berhenti/tanggung pengajian selepas membuat bayaran yuran pengajian, yuran pengajian **TIDAK** akan dikembalikan.

**\*\*Panduan ini telah dikemaskini pada 30 Ogos 2022 dan menggantikan panduan yang telah dikeluarkan pada 02 Januari 2020. Panduan ini juga akan digunakan sebagai rujukan bahagian kewangan dan pihak yang berkenaan sehingga terdapat sebarang perubahan atau pindaan yang hanya akan dimaklumkan kelak.**

Disediakan oleh,




(NORATIKAH)

KEWANGAN

Tarikh: 21/08/2022

Disemak oleh,



(CHARLENE IVY)

KEWANGAN

Tarikh: 22/08/2022

Disahkan oleh,




(DORETTY R. JIROH)

CEO

Tarikh: 22/08/2022

Diluluskan oleh,



(PROF. DATUK SR DR MOHAIZI BIN MOHAMAD)

PRESIDEN

Tarikh: 30/08/2022